



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PENGENDALIAN KES-KES DI MAHKAMAH ALOR SETAR, KEDAH SELARAS
DENGAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN SECARA
PENTADBIRAN DARI 11 – 25 SEPTEMBER 2020**

Selaras dengan pengumuman Kerajaan Persekutuan pada 10 September 2020 mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (“PKPD”) Secara Pentadbiran di daerah Kota Setar, Kedah dari 11 hingga 25 September 2020, yang melibatkan penutupan premis kerajaan termasuklah Kompleks Mahkamah Alor Setar, Kedah.

Sehubungan dengan itu, Kompleks Mahkamah Alor Setar akan mengendalikan kes-kes mengikut **Panduan Pengendalian Kes-Kes di Mahkamah Seluruh Malaysia Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 dan Akta Polis 1967** yang dikeluarkan oleh Pejabat ini pada 17 Mac 2020 sepanjang tempoh pelaksanaan PKPD tersebut mengikut kesesuaian dan tertakluk kepada pengumuman dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Persekutuan.

Sekiranya agensi kerajaan, peguam dan orang awam mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, bolehlah menghubungi Pejabat Pendaftaran Mahkamah seperti berikut:

- (i) **Mahkamah Tinggi Malaya**
E-mel: pmt@kehakiman.gov.my
Telefon: 03-8880 3704

(ii) **Mahkamah Rendah Malaya**
E-mel: pmm@kehakiman.gov.my
Telefon: 03-8880 9418

Terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya**

Tarikh: 14 September 2020